

D677

U 2681 DEB

MAHATHIR - PERJUANGAN

LUBOK ANTU (BAHAGIAN KEDUA SARAWAK), 21 OGOS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA SOAL-SOAL KECIL YANG MEMBABITKAN KEPENTINGAN KAUM TIDAK SEHARUSNYA DIJADIKAN PENGHALANG KEPADA KEWUJUDAN KERJASAMA DAN PERPADUAN DI NEGARA INI.

SEBALIKNYA PERDANA MENTERI MENEGASKAN BAHAWA RAKYAT BERBILANG KAUM DI NEGARA INI HARUS MENGUTAMAKAN MATLAMAT DAN KEPENTINGAN NEGARA UNTUK MENJAMIN KEMAJUAN YANG BERTERUSAN.

SEMASA MERASMIKAN KHEMAHKERJA POLITIK PEMUDA BARISAN NASIONAL DI SINI HARI INI, BELIAU BERKATA KAUM-KAUM DI NEGARA INI TIDAK HARUS TERLALU TAKSUB MEMPERJUANGKAN PERKARA-PERKARA KECIL UNTUK KEPENTINGAN KUMPULAN MEREKA SEDANGKAN PERKARA UTAMA IAITU UNTUK SAMA-SAMA MENDIRIKAN MALAYSIA SEBAGAI SEBUAH NEGARA YANG MAJU DAN BERMARUAH DIBELAKANGKAN.

PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN TIDAK MENYEKAT PENGGUNAAN BAHASA ATAU KEBUDAYAAN KAUM-KAUM YANG MENDATANG DAN TIDAK JUGA MEMAKSA MEREKA MENUKARKAN NAMA SEPERTI YANG BERLAKU DI BEBERAPA BUAH NEGARA LAIN.

+TETAPI MEREKA HARUS MENERIMA HAKIKAT BAHAWA NEGARA INI MEMPUNYAI SATU BAHASA RASMI YANG BOLEH MENJADI ASAS MENGUKUHKAN PERPADUAN,+ KATANYA. -- LAGI.

1158MST 21 08 85

## MAHATHIR - PERJUANGAN 2 LUBOK ANTU

BELIAU JUGA MENYERU RAKYAT MENOLAK TAFSIRAN YANG MELAMPAU DALAM PERKARA-PERKARA SEPERTI AGAMA ATAU KEBUDAYAAN.

KATANYA ADA KUASA DI LUAR BARISAN NASIONAL YANG CUBA MENGGUNAKAN SOAL-SOAL SEPERTI AGAMA DAN BUDAYA UNTUK MEMECAH-BELAHKAN PERPADUAN YANG TELAH WUJUD SEMATA-MATA UNTUK KEPENTINGAN POLITIK MASING-MASING.

RAKYAT JUGA HARUS SEDAR BAHAWA MEREKA TIDAK MUNGKIN MEMPEROLEHI APA SAJA YANG MEREKA TUNTUT KERANA ADA PIHAK-PIHAK LAIN YANG JUGA MEMPUNYAI HAK YANG SAMA.

+KORBANKAN SEDIKIT KEPENTINGAN DIRI DEMI KEMAKMURAN SEMUA KERANA AKHIRNYA KITA SENDIRI JUGA AKAN DAPAT MERASAI NIKMATNYA,+ KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR, YANG JUGA Pengerusi Barisan Nasional, BERKATA HANYA MELALUI KONSEP KERJASAMA SEPERTI YANG ADA PADA BARISAN NASIONAL; MAKA JURANG PERBEZAAN ANTARA KAUM DI NEGARA INI DAPAT DIKURANGKAN. -- LAGI.

1200MST 21 08 85

## MAHATHIR - PERJUANGAN 3 LUBOK ANTU

KONSEP ITU TERBUKTI BERJAYA DAN DENGAN ITU BELIAU BERHARAP RAKYAT BENAR-BENAR MEMAHAMI MATLAMAT PENUBUHANNYA.

BELIAU JUGA MENYERU GOLONGAN MUDA DI NEGARA INI SUPAYA MEMBERI PERHATIAN KEPADA SEMANGAT KERJASAMA YANG WUJUD DI KALANGAN KAUM KETIKA SAMA-SAMA MEMPERJUANGKAN KEMERDEKAAN.

PADA WKATU ITU, KATANYA, SEMUA PERASAAN YANG SEMPIT DIKETEPIKAN DAN SEBALIKNYA RAKYAT MENGUTAMAKAN PERPADUAN.

MALANGNYA MENURUT DATUK SERI DR. MAHATHIR, RAMAI KALANGAN GENERASI MUDA SEKARANG GAGAL MENGHARGAI NILAI-NILAI PERPADUAN YANG WUJUD KETIKA ITU HINGGA MEMBAWA KEMERDEKAAN NEGARA, SUATU NIKMAT YANG DISIFATKANNYA SEBAGAI MEMPUNYAI NILAI YANG TIDAK ADA TOLOK BANDINGNYA.

BELIAU JUGA BERPENDAPAT BAHAWA INTEGRASI NASIONAL AKAN DICAPAI DENGAN LEBIH MUDAH SEKIRANYA SEMUA RAKYAT SEDAR AKAN PENTINGNYA +KEMEWAHAN+ YANG DINIKMATI DI NEGARA INI SEKARANG. -- LAGI.

1217MST 21 08 85

0690

U 8689 DEB

MAHATHIR - PERJUANGAN 4 LUBOK ANTU

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA BERPENDAPAT TAJUK KHEMAHKERJA IAITU +KE ARAH PENCAPAIAN MATLAMAT INTEGRASI NASIONAL+ SEBAGAI AMAT SESUAI DENGAN KEHENDAK NEGARA.

KATANYA, SOAL PERPADUAN MENJADI SATU MASALAH YANG BESAR YANG BOLEH MENJEJASKAN KEUTUHAN NEGARA SEKIRANYA DIABAIKAN.

SEBELUM ITU, KETUA MENTERI SARAWAK, DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD BERHARAP PERTEMUAN DAN PERBINCANGAN DI KALANGAN PEMIMPIN-PEMIMPIN PEMUDA KOMPONEN BARISAN NASIONAL AKAN MEMBUKA JALAN KEPADA PENINGKATAN INTEGRASI DI KALANGAN SEMUA PENDUDUK.

SERAMAI 150 ORANG PEMIMPIN DAN ANGGOTA PERGERAKAN PEMUDA BARISAN NASIONAL KECUALI MCA MENGHADIRI KHEMAHKERJA SELAMA EMPAT HARI ITU. -- BERNAMA.

1219MST 21 08 85